



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEMAJUAN PEMBANGUNAN NELAYAN
DI KAWASAN PEMBANGUNAN NELAYAN
(KPN) BESUT, TERENGGANU**

MOHD. FIRDAWOS SHAHARUDDIN

FPP L 1994 1

KEMAJUAN PEMBANGUNAN NELAYAN
DI KAWASAN PEMBANGUNAN NELAYAN
(KPN) BESUT, TERENGGANU

MOHD. FIRDAWOS SHAHARUDDIN

Projek Penyelidikan ini disediakan sebagai
memenuhi sebahagian syarat Sarjana Sains
di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

DISEMBER 1994



PENGHARGAAN

Bismillah hirrahman nirrahim, dengan izinnya dapatlah saya menyediakan projek penyelidikan ini, insyaallah.

Alhamdulillah dengan izin Allah Yang Maha Pemurah dan lagi Maha Pengasih, maka di sini saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak penyelia, pensyarah, teman-teman sekuliah, pegawai dan kakitangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, pihak SEARCA kerana telah membantu saya di dalam menyediakan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali saya ingin memohon kesyukuran kehadiran Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang kerana mengurniakan saya keluarga yang bertimbang rasa dan sentiasa memberi galakan kepada saya untuk mengikuti kursus Sarjana Sains di Universiti Pertanian Malaysia dengan penuh kesabaran.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	ii
SENARAI JADUAL KAJIAN	ix
SENARAI RAJAH	xii
ABSTRAK	xiii

BAB

	Muka Surat
1 PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Latar Belakang	6
Pengurangan Kemiskinan	7
Peningkatan Taraf Sosioekonomi dan Kualiti Hidup	10
Pertumbuhan Industri Perikanan	11
Penyataan Masalah	11
Objektif Kajian	12
Kepentingan Kajian	13
Limitasi Kajian	14
Definisi Istilah	14
2 TINJAUAN BERTULIS	
Matlamat dan Strategi KPN	17
Pengurusan dan Pentadbiran KPN	19



	Muka Surat
Struktur Organisasi KPN	23
Program-Program KPN	23
Program Pembangunan Perikanan Laut	25
Program Ternakair	26
Program Khidmat Sokongan Pemasaran	27
Program Pembangunan Masyarakat Nelayan	29
Rancangan Pembangunan Perikanan	30
Konsep Pembangunan	34
Tujuan Pembangunan	35
Halangan Kepada Pembangunan	35
Konsep Pembangunan Bersepadu	37
Kemiskinan Di Kalangan Masyarakat Nelayan	37
Masalah-masalah Nelayan	39
Pengukuran Taraf Hidup	41
3 METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	45
Populasi	45
Pemilihan Sampel Kajian	47
Instrumen Kajian	47
Pengumpulan Data	51
Analisa Data	52



4	HASIL KAJIAN	
	Matlumet Latar Belakang	53
	Bangsa dan Jantina	54
	Kumpulan Umur	54
	Status Perkahwinan	55
	Taraf Persekolahan	55
	Bilangan Isirumah Bekerja	56
	Saiz Isirumah	57
	Pekerjaan Utama	57
	Pekerjaan Sampingan	58
	Penyertaan Nelayan Di Dalam Aktiviti-Aktiviti Sosial	59
	Program Kecil Galakan Pembangunan Masyarakat Nelayan	60
	Program Kecil Keluarga Masyarakat Nelayan	61
	Program Kecil Galakan Peningkatan Kemahiran Keusahawanan	63
	Bekalan Air	65
	Bekalan Bahan Api	65
	Tandas	67
	Telefon	67
	Status Pemasaran Di KPN Besut	68
	Saluran Pemasaran	68

	Muka Surat
Cara Penentuan Harga	69
Penentuan Harga Asas	71
Cara Jualan	72
Tindakan Bila Harga Ikan Rendah	72
Taraf Hidup Masyarakat Nelayan Di KPN Besut	74
Jenis Nelayan	74
Bilangan Hari Ke Laut	75
Bilangan Bulan Ke Laut	77
Peralatan Menangkap Ikan	77
Taraf Pemilikan Bot, Enjin dan Pukat	78
Cara Pemilikan Bot, Enjin dan Pukat	80
Pemilikan Rumah, Tapak Rumah dan Jenis Rumah	81
Kemajuan Pelaksanaan Program-Program Pembangunan	84
Program Pembangunan Perikanan Laut	84
Program Modenisasi Penangkapan Ikan	86
Skim Kemudahan Kredit	89
Skim Pinjaman Khas Pertanian	92
Program Pembinaan Unjam-Unjam	92
Program Khidmat Sokongan Pemasaran	94
Program Kawalan dan Penguatkuasaan Peraturan Pemasaran Ikan	95



Program Pembangunan Keusahawanan dan Perniagaan	95
Masalah dan Kekangan	96
Program Pendapatan Sampingan	98
Program Ternakair	98
5 Perbincangan	
Menentukan Penyertaan Nelayan Dalam Aktiviti-Aktiviti Sosial Di Bawah KPN Besut	101
Tanggapan Nelayan Terhadap Perubahan Hidup Mereka	103
Aspek Sosioekonomi	105
Bekalan Air	105
Bekalan Bahan Api	106
Telefon	107
Tandas	107
Aktiviti Pemasaran Ikan Di KPN Besut	107
Saluran Pemasaran	108
Penentuan Harga	111
Harga dan Margin Pemasaran	112
Status Taraf Hidup Masyarakat Nelayan	116
Pekerjaan Nelayan	116



Cara dan Taraf Pemilikan Bot, Enjin dan Pukat	117
Pemilikan Rumah	118
Pemilikan Tapak Rumah	118
Jenis Rumah	119
Menentukan Kemajuan Pelaksanaan Program-Program Pembangunan Di KPN Besut	119
Program Pembangunan Perikanan Laut	119
Program Modenisasi Menangkap Ikan	120
Program Pembinaan Unjam-Unjam	122
Program Khidmat Sokongan	123
Program Ternakair	126
Program Pembangunan Masyarakat Nelayan	128
6 RUMUSAN DAN CADANGAN	
Rumusan Kajian	130
Matlamat dan Strategi KPN	131
Masalah Kajian	132
Methodologi Kajian	133
Ciri-Ciri Responden	133
Hasil Kajian	135
Status Sosioekonomi Masyarakat Nelayan Di KPN Besut	140



Menentukan Tentang Kemajuan Program-Program Pembangunan Di KPN Besut	141
Cadangan	144
Mengubahsuai Strategi-Strategi Khusus	146
Cadangan Mempertingkatkan Prestasi Program dan Projek Di KPN Besut	147
Program Pembangunan Perikanan Laut	147
Program Khidmat Sokongan Pemasaran	150
Program Pembangunan Masyarakat Nelayan	152
Program Ternakair	152
Pembasmian Kemiskinan	153

BIBILOGRAFI



LAMPIRAN-LAMPIRAN

BORANG SOALSELIDIK

SENARAI JADUAL KAJIAN

Jadual		Muka Surat
1	Perbandingan Kadar Kemiskinan di KPN 1982 dan 1990	8
2	Kumpulan Sasaran Mengikut Jenis Bot Yang Dilesenkan Bagi KPN Besut 1989	46
3	Bilangan Sampel Kajian	48
4	Umur Responden	54
5	Satus Perkahwinan dan Tahap Persekolahan	55
6	Bilangan Isirumah Bekerja	56
7	Saiz Isirumah	57
8	Pekerjaan Utama	58
9	Pekerjaan Sampingan	59
10	Ringkasan Bilangan Kursus dan Penerima Faedah Dari Program Kecil Galakan Pembangunan Masyarakat Nelayan Di KPN Besut	61
11	Bilangan dan Penerima Aktiviti Tahun 1991	62
12	Bilangan dan Penerima Faedah Tahun 1991	64
13	Kemudahan-Kemudahan Asas	66
14	Saluran Pemasaran Hasil Tangkapan	69



15	Penentuan Harga Hasil Tangkapan	70
16	Penentuan Harga Asas Jualan	71
17	Cara Jualan	72
18	Tindakan Di Ambil Bila Harga Ikan Rendah Dari Harga Asas	73
19	Pekerjaan Nelayan	75
20	Taburan Hari Ke Laut Dalam Sebulan	76
21	Taburan Hari Ke laut Dalam Setahun	76
22	Mengikut Jenis Penggunaan Pukat	78
23	Bentuk Pemilikan Bot, Enjin dan Pukat	79
24	Cara Pemilikan Bot,Enjin dan Pukat	81
25	Status Pemilikan Rumah, Tapak Rumah dan Jenis Rumah	82
26	Zon Menangkap Ikan	85
27	Jumlah Pinjaman,Perbelanjaan dan Penerima Faedah Dari Program Pembangunan Perikanan Laut 1982-1989	90
28	Lesen Niaga Borong Ikan Di KPN Besut	95
29	Penerima Bantuan Kerajaan Di Bawah Program Khidmat Sokongan Pemasaran	97
30	Projek Ternakair Yang Dilaksanakan	99
31	Persepsi Terhadap Status Penyertaan Hidup Nelayan	104

32	Perubahan Dalam Saluran Pemasaran	109
33	Perubahan Dalam Penentuan Harga	112
34	Harga dan Margin Pemasaran bagi Satu Tong Ikan Kembong Gred A Untuk Diekspot	115

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Peranan Berbagai-Bagai Agensi Kerajaan Di Dalam Perlaksanaan Konsep Kawasan Pembangunan Nelayan Besut	5
2	Carta Organisasi KPN	24



Abstrak projek penyelidikan yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sains.

**KEMAJUAN PEMBANGUNAN NELAYAN DI KAWASAN
PEMBANGUNAN NELAYAN (KPN) BESUT, TERENGGANU**

oleh

MOHD. FIRDAWOS SHAHARUDDIN

Disember 1994

Penyelia Pertama : Dr. Bahaman Abu Samah
Penyelia Kedua : En. Khairuddin Idris

Fakulti: Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

Penyelidikan yang dijalankan bertujuan:

- (1) Menentukan status penyertaan nelayan dalam aktiviti-aktiviti sosial di bawah KPN Besut;
 - (2) Menentukan status pemasaran ikan di KPN Besut;
 - (3) Mengenalpasti taraf hidup masyarakat nelayan;
 - (4) Menentukan kemajuan dan pelaksanaan program pembangunan LKIM di KPN Besut.
- Seramai 282 isirumah nelayan telah dipilih sebagai responden dengan menggunakan satu kaedah persampelan rawak. Data telah dikumpulkan melalui borang soalselidik



yang diisi sendiri oleh responden. Maklumat dianalisis dengan menggunakan Pakej Lotus 123. Taburan kekerapan dan peratusan telah digunakan untuk membuat analisis deskriptif. Kajian mendapati bahawa program-program pembangunan yang dijalankan di KPN Besut dapat memperbaiki taraf hidup dan sosioekonomi nelayan, khususnya dari aspek aktiviti-aktiviti sosial dan pemberian kemudahan asas; begitu juga dengan kaedah pemilikan bot, enjin dan pukot, pemilikan harta (seperti rumah, jenis rumah dan tapak rumah) juga menunjukkan peningkatan dalam pemilikan aset. Manakala program Khidmat Sokongan Pemasaran dan Ternakair tidak begitu memuaskan pelaksanaannya di KPN Besut. Program Pembangunan Bersepadu yang dilancarkan di KPN Besut perlu dipertingkatkan lagi strateginya. Strategi tersebut perlu ditumpukan kearah meningkatkan status sosioekonomi dan taraf hidup masyarakat nelayan. Dengan terlaksananya program bersepadu ini ia dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan nelayan.



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Sektor perikanan merupakan sektor yang penting kepada ekonomi negara. Walaupun ia menyumbang sebanyak 3.3 peratus (Laporan Ekonomi 1991/1992) kepada pendapatan negara, tetapi seramai 120,000 keluarga nelayan terus bergantung kepada sektor ini sebagai punca mata pencarian mereka. Nilai pengeluarannya pula melebihi RM1,000 juta setahun. Namun hasil pengeluaran tersebut masih tidak mencukupi untuk menampung sepenuhnya bekalan ikan negara, oleh itu negara terus mengimport ikan daripada negara-negara asing. Di dalam memajukan industri negara pihak Kementerian Pertanian telah mengarahkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan bertanggung jawab di dalam membangunkan sektor perikanan di negara ini.

Dalam usaha untuk membangunkan masyarakat nelayan supaya ia lebih berdayamaju pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah dipertanggung jawabkan untuk menyediakan satu strategi yang dikenali sebagai Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN).



Konsep pembangunan KPN ini merupakan satu program pembangunan bersepadu di mana berbagai kegiatan dijalankan oleh pelbagai agensi kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan sosioekonomi masyarakat nelayan. Sejak KPN Besut diwujudkan diawal tahun 1980an, matlamat utamanya adalah:

- (1) mengurangkan kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan;
- (2) memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat nelayan; dan
- (3) menggalakkan pertumbuhan industri perikanan.

Perlaksanaan pembangunan KPN ditadbirkan menerusi Pusat Kawasan Pembangunan Nelayan (PKPN). Jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan masyarakat nelayan terdiri daripada Jabatan Perikanan, Jabatan Perhidmatan Haiwan, Jabatan Perairan dan Saliran, MARDI, KEMAS, Bank Pertanian dan lain-lain agensi kerajaan yang melaksanakan program-program pembangunan melalui penyelarasan PKPN.

Pendekatan KPN ini bertujuan untuk meningkatkan daya pengeluaran, pendapatan, mempelbagaikan bidang projek, penyediaan kemudahan asas industri perikanan dan pembangunan sosial supaya segala perlaksanaan dan penyelarasannya lebih tertumpu

kepada pembangunan kawasan.

Pada dasarnya matlamat ini adalah ditumpukan kepada usaha-usaha untuk memudahkan penyaluran bantuan kerajaan kepada masyarakat nelayan. Dengan ini mereka dapat menerima bantuan dan tersebut dengan baik dan seterusnya dapat meningkatkan tahap produktiviti mereka.


Tujuan Pusat Kawasan Pembangunan Nelayan ialah:

- (1) Melaksanakan projek-projek pembangunan bersepadu mengikut kawasan dengan tujuan meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan masyarakat nelayan;
- (2) Sebagai sebuah pusat untuk menyalurkan segala jenis bantuan dan khidmat sokongan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan berkaitan dengan pembangunan sosioekonomi masyarakat nelayan; dan
- (3) Untuk mewujudkan satu pusat pertumbuhan supaya segala kemudahan-kemudahan yang dihasilkan daripada kegiatan-kegiatan ekonomi dalam satu-satu kawasan dapat dinikmati sepenuhnya oleh masyarakat nelayan.

Dalam pelaksanaan kawasan pembangunan nelayan ini, LKIM bertanggung jawab ke atas komponen

projek-projek yang mana bertujuan untuk meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan masyarakat nelayan. Sementara itu komponen projek-projek sosial pula menyediakan kemudahan asas seperti kesihatan, perumahan dan sebagainya. LKIM adalah berperanan sebagai penggerak, penyelarass dan penganjur dalam menyalurkan kemudahan asas. LKIM berhubung terus dengan lain-lain agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan komponen ini. Kaitan antara agensi-agensi kerajaan dalam rangka KPN ialah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Pembangunan bersepadu adalah merupakan satu strategi yang digunakan di KPN Besut, kerana cara pendekatan ini lebih teratur di dalam melaksanakan projek disamping menapis projek secara lebih efisien. Di samping itu ia dapat membahagikan fungsi antara agensi kerajaan yang lebih jelas serta tatacara pengawasan dan penilaian program pembangunan lebih sistematik di KPN Besut.



Rajah 1

Peranan Berbagai-bagai Agensi Kerajaan didalam
 Perlaksanaan Konsep Kawasan Pembangunan Nelayan, Besut.

Banyak program yang dirancang di KPN Besut. Namun begitu kebanyakan masyarakat nelayan masih lagi tergolong dalam kategori masyarakat yang berpendapatan rendah (atau golongan nelayan miskin) (Laporan Penilaian dan Prestasi KPN Besut, 1992). Pihak Kerajaan telah banyak mengeluarkan perbelanjaan kewangan dan sumber manusia yang agak ramai telah digemblengkan untuk menjayakan program ini. Walau bagaimanapun, hasrat dari pembangunan ini belum begitu tercapai sepenuhnya.

Oleh itu timbul satu kesedaran bahawa satu penilaian perlu dilaksanakan bagi mengkaji semula kekesanan kemajuan program pembangunan tersebut benar-benar dimanfaatkan oleh kumpulan sasaran (masyarakat nelayan).

Latar Belakang

Mesyuarat Majlis Tindakan Negara (MTN) telah diadakan pada 7hb September 1982, telah membuat ketetapan strategi pembangunan LKIM bagi masa depan hendaklah berasaskan kepada Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN). Strategi ini merupakan satu konsep pembangunan bersepadu yang merangkumi kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh berbagai-bagai agensi kerajaan. Matlamat strategi ini adalah

untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan dan seterusnya dapat meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup mereka. Penubuhan KPN ini juga berhasrat untuk menggalakkan pertumbuhan industri perikanan. Diantara faktor-faktor utama yang diambil kira adalah:

- (i) Mempunyai potensi untuk membangun;
- (ii) Mempunyai nelayan yang ramai;
- (iii) Mempunyai kemudahan asas bagi membangunkan industri perikanan; dan
- (iv) Mempunyai sumber perikanan laut dan kawasan ternakair yang mas boleh diterokai dan diusahakan secara optima.

Pada hakikatnya, ketiga-tiga matlamat ini adalah terlalu umum dan tidak merangkumi lain-lain matlamat sektor pembangunan perikanan seperti peningkatan peluang-peluang pekerjaan, peningkatan teknologi moden, peningkatan produktiviti nelayan, pengagihan pendapatan yang lebih saksama, pembangunan institusi nelayan, pembangunan sumber manusia dan sebagainya.

Pengurangan Kemiskinan

Sejak KPN Besut diwujudkan di awal tahun

1980an, strategi untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan menjadi isu yang paling sensitif. Ini memandangkan peratus kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan pada tahun 1982 dan 1990 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1. Perbandingan Kadar Kemiskinan di KPN Tahun 1982 dan 1990.

KPN	1982*	1990**	Perbezaan (%) -
Yan	77.7	65.2	- 12.54
Manjung	58.7	70.6	+ 11.9
Mersing	57.7	54.1	- 3.9
Kuala Pahang	53.9	63.8	+ 9.9
Besut	59.5	74.9	+ 19.9
Geting	61.0	66.0	+ 6.0

Nota: * Berdasarkan kepada pendapatan garis kemiskinan RM 300 sebulan.
 ** Berdasarkan kepada pendapatan garis kemiskinan RM 370 sebulan.

(Sumber: Banci Isirumah Nelayan, 1982, Rancangan Perspektif KPN (berbagai kawasan) Soalselidik Kajian.)

Berdasarkan kepada statistik di atas, didapati bahawa KPN Besut mempunyai kadar kemiskinan yang paling tinggi peratusnya kalau dibandingkan dengan lain-lain kawasan KPN, iaitu dengan peningkatan 19.9 peratus. Faktor-faktor yang mempengaruhi

kemiskinan di kalangan nelayan di KPN Besut termasuklah tangkapan ikan yang berkurangan, penggunaan teknologi tradisional, masalah hutang, harga ikan yang tidak stabil dan sebagainya (Laporan Prestasi Penilaian KPN Besut ,1989).

Berkaitan dengan ini, strategi untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan yang berpendapatan rendah seharusnya ditumpukan untuk memastikan bahawa golongan ini tidak lagi berada di tahap miskin mutlak.

Program-program pembangunan di KPN Besut kurang berjaya mengurangkan kadar kemiskinan ke paras yang lebih rendah. Inisiatif seharusnya digemblengkan kepada masalah - masalah yang berpotensi berkaitan dengan kemiskinan relatif di kalangan nelayan. Program-program pembasmian kemiskinan perlu diberi keutamaan dan disasarkan tepat kepada golongan miskin. Bantuan juga disalurkan melalui pakej Program Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT), ini termasuklah bantuan perumahan dan ekonomi. Pakej ini perlu menentukan penerimaan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, persekolahan dan kesihatan kepada golongan termiskin. Projek-projek ekonomi perlu menekankan kepada konsep berdikari dan berdaya maju melalui